

**Kerajaan BN Tangani Isu Mikro Masyarakat India - Nor Mohamed  
Bernama  
3 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak bukan sahaja berorientasikan makro tetapi kini memberi tumpuan kepada isu-isu mikro untuk membantu masyarakat India di Malaysia, kata Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu, yang mengawasi Unit Perancang Ekonomi (EPU) berkata adalah menjadi hasrat kerajaan memastikan semua komuniti di negara ini berkembang dan maju sejajar dengan keinginan Malaysia muncul sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi, yang dicadangkan Najib.

"Kerajaan dan Perdana Menteri sendiri mahu memastikan tiada masyarakat yang tertinggal di bawah mana-mana agenda transformasi negara.

"Kita di EPU sudahpun sebenarnya menumpukan pada mikro. Kita telah memasukkan semua komuniti termasuk masyarakat India di peringkat program makro dan juga mikro," kata Nor Mohamed kepada Bernama.

Sejak mengambil alih jawatan Perdana Menteri Malaysia pada 2009, Najib telah menepati janjinya untuk memastikan pendidikan yang berkualiti kepada masyarakat India dengan memperuntukkan lebih RM440 juta bagi menaiktaraf sekolah-sekolah Tamil.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685575>





